

Bil. S 57

**AKTA PERJALANAN UDARA
(PENGAL 113)**

**PERINTAH PERJALANAN UDARA
(GADAI JANJI PESAWAT TERBANG), 2001**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Gadai janji pesawat terbang.
4. Pendaftaran gadai janji.
5. Notis keutamaan.
6. Prosedur dalam hal-hal tertentu.
7. Pendaftaran gadai janji dan notis keutamaan.
8. Pindaan catatan dalam Daftar.
9. Pelepasan gadai janji.
10. Pembetulan Daftar.
11. Pemeriksaan Daftar dan salinan-salinan catatan.
12. Pengeluaran pesawat terbang dari daftar pesawat terbang.
13. Daftar sebagai notis fakta yang terdapat di dalamnya.
14. Keutamaan gadai janji.
15. Pengenaan Akta Bil Jualan dan pendaftaran peruntukan-peruntukan bayaran Akta Syarikat-Syarikat.
16. Tanggung rugi.
17. Kesalahan.

JADUAL PERTAMA	—	PERMOHONAN UNTUK MENCATATKAN GADAI JANJI PESAWAT TERBANG
JADUAL KEDUA	—	PERMOHONAN UNTUK MENCATATKAN NOTIS KEUTAMAAN
JADUAL KETIGA	—	NOTIS PERUBAHAN BUTIR-BUTIR YANG DIDAFTARKAN
JADUAL KEEMPAT	—	NOTIS PELEPASAN GADAI JANJI BERDAFTAR

**AKTA PERJALANAN UDARA
(PENGAL 113)**

**PERINTAH PERJALANAN UDARA
(GADAI JANJI PESAWAT TERBANG), 2001**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 4 dari Akta Perjalanan Udara, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perjalanan Udara (Gadai Janji Pesawat Terbang), 2001.

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"bayaran yang ditetapkan" bermakna suatu bayaran yang ditetapkan oleh sebarang undang-undang berkenaan dengan bayaran dan caj lapangan terbang;

"Daftar" bermakna Daftar Gadai Janji Pesawat Terbang.

"daftar pesawat terbang" bermakna daftar pesawat terbang Negara Brunei Darussalam yang disenggarakan oleh Pengarah;

"gadai janji" bermakna gadai janji sesebuah pesawat terbang dan termasuk suatu gadai janji yang meliputi sebarang stor alat ganti bagi pesawat terbang itu, tetapi tidak sebaliknya termasuk suatu gadai janji yang diwujudkan sebagai cagaran terapan;

"notis keutamaan" bermakna suatu notis tujuan yang disebut dalam perenggan kecil (1) perenggan 5;

"Pengarah" bermakna Pengarah Penerbangan Awam;

"tuanpunya" bermakna orang yang ditunjukkan sebagai tuanpunya sesebuah pesawat terbang dalam borang permohonan untuk pendaftaran pesawat terbang itu dalam daftar pesawat terbang;

Gadai janji pesawat terbang.

3. Sesebuah pesawat terbang yang didaftarkan dalam daftar pesawat terbang, atau pesawat terbang itu bersama dengan sebarang stor alat ganti bagi pesawat terbang itu, boleh dijadikan jaminan untuk suatu pinjaman atau balasan berharga lain.

Pendaftaran gadai janji.

4. (1) Sebarang gadai janji sesebuah pesawat terbang yang didaftarkan dalam daftar pesawat terbang boleh dicatatkan dalam Daftar yang disimpan oleh Pengarah.

(2) Permohonan untuk mencatatkan suatu gadai janji dalam Daftar hendaklah dibuat kepada Pengarah oleh atau bagi pihak pemegang gadai janji dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama dan hendaklah disertakan dengan satu salinan gadai janji itu, yang diperakui oleh pemohon sebagai salinan yang benar, dan bayaran yang ditetapkan.

Notis keutamaan.

5. (1) Suatu notis tujuan untuk membuat permohonan bagi mencatatkan gadai janji yang dikehendaki dalam Daftar boleh dicatatkan dalam Daftar.

(2) Permohonan untuk mencatatkan suatu notis keutamaan dalam Daftar hendaklah dibuat kepada Pengarah oleh atau bagi pihak bakal pemegang gadai janji dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Kedua, dan hendaklah disertakan dengan bayaran yang ditetapkan.

Prosedur dalam hal-hal tertentu.

6. (1) Jika dua atau lebih pesawat terbang menjadi perkara satu gadai janji atau jika pesawat terbang yang sama menjadi perkara dua atau lebih gadai janji, permohonan-permohonan yang berasingan hendaklah dibuat berkaitan dengan setiap pesawat terbang atau setiap gadai janji, mengikut mana yang berkenaan.

(2) Jika suatu gadai janji adalah dalam suatu bahasa selain dari bahasa Inggeris, permohonan untuk mencatatkan gadai janji itu dalam Daftar hendaklah disertakan dengan satu salinan gadai janji itu dan dengan terjemahannya, yang diperakui oleh pemohon sebagai terjemahan yang betul, sepanjang pengetahuan dan kepercayaannya.

Pendaftaran gadai janji dan notis keutamaan.

7. (1) Apabila permohonan untuk mencatatkan suatu gadai janji atau notis keutamaan dalam Daftar telah dibuat, Pengarah hendaklah mencatatkannya dalam

Daftar dengan menyimpan borang permohonan itu di dalamnya dan dengan menulis padanya tarikh dan masa catatan tersebut.

(2) Permohonan-permohonan hendaklah dicatatkan dalam Daftar menurut susunan penerimaannya oleh Pengarah.

(3) Pengarah hendaklah memberitahu pemohon mengenai tarikh dan masa gadai janji atau notis keutamaan itu dicatatkan dalam Daftar dan mengenai nombor daftar catatan itu, dan hendaklah mengirimkan satu salinan pemberitahuan itu kepada penggadai janji dan tuannya.

Pindaan catatan dalam Daftar.

8. (1) Sebarang perubahan ke atas orang yang terdapat dalam Daftar sebagai pemegang gadai janji atau sebagai penggadai janji, ke atas nama atau alamat orang itu atau ke atas perihalan harta yang digadai janji itu hendaklah diberitahu kepada Pengarah oleh atau bagi pihak pemegang gadai janji, dalam borang yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Setelah menerima borang yang sempurna diisikan dan ditandatangani oleh atau bagi pihak penggadai janji dan pemegang gadai janji dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, Pengarah hendaklah mencatatkan pemberitahuan itu dalam Daftar dan hendaklah selepas itu memberitahu penggadai janji, pemegang gadai janji dan tuannya bahawa dia telah berbuat demikian.

Pelepasan gadai janji.

9. Setelah menerima borang yang dinyatakan dalam Jadual Keempat yang sempurna diisikan dan ditandatangani oleh atau bagi pihak pemegang gadai janji dan satu salinan dokumen pelepasan atau penerimaan wang gadai janji, atau sebarang dokumen lain yang menunjukkan sehingga memuaskan hati Pengarah bahawa gadai janji itu telah dilepaskan dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, Pengarah hendaklah mencatatkan borang tersebut dalam Daftar dan menandakan catatan yang berkaitan dalam Daftar "Dilepaskan", dan hendaklah selepas itu memberitahu penggadai janji, pemegang gadai janji dan tuannya bahawa dia telah berbuat demikian.

Pembetulan Daftar.

10. Mahkamah Tinggi boleh memerintahkan supaya pindaan dibuat kepada Daftar sebagaimana yang mungkin dianggapnya perlu dan mustahak untuk membetulkan sebarang kesilapan di dalamnya. Setelah perintah tersebut disampaikan, Pengarah hendaklah membuat pindaan yang perlu kepada Daftar.

Pemeriksaan Daftar dan salinan-salinan catatan.

11. (1) Mana-mana orang boleh, atas permohonan kepada Pengarah dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, memeriksa sebarang catatan dalam Daftar yang dinyatakan dalam permohonan itu.

(2) Pengarah hendaklah, atas permohonan mana-mana orang dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, memberikan kepada pemohon satu salinan, yang diperakui olehnya sebagai salinan yang benar, catatan dalam Daftar yang dinyatakan dalam permohonan itu.

(3) Pengarah hendaklah, atas permohonan mana-mana orang dan setelah bayaran yang ditetapkan dibayar, memberitahu pemohon sama ada atau tidak terdapat sebarang catatan dalam Daftar berhubung dengan sebarang pesawat terbang yang dinyatakan dalam permohonan itu dengan merujuk kepada kerakyatan dan tanda-tanda pendaftarannya.

(4) Suatu dokumen yang dikatakan sebagai satu salinan suatu catatan dalam Daftar boleh diterima sebagai keterangan mengenai catatan itu jika ia dikatakan diperakui sebagai salinan yang benar oleh Pengarah.

(5) Tiada sebarang apa pun yang dilakukan di bawah perenggan kecil (2) atau (3) boleh menjejaskan keutamaan sebarang gadai janji.

Pengeluaran pesawat terbang dari daftar pesawat terbang.

12. Pengeluaran sesebuah pesawat terbang dari daftar pesawat terbang hendaklah tidak menjejaskan hak mana-mana pemegang gadai janji di bawah sebarang gadai janji berdaftar, dan catatan hendaklah terus dibuat dalam Daftar berhubung dengan gadai janji itu seolah-olah pesawat terbang itu belum dikeluarkan dari daftar pesawat terbang.

Daftar sebagai notis fakta yang terdapat di dalamnya.

13. Semua orang hendaklah pada setiap masa dianggap mempunyai notis nyata mengenai semua fakta yang terdapat dalam Daftar, tetapi pendaftaran suatu gadai janji tidaklah menjadi keterangan mengenai kesahannya.

Keutamaan gadai janji.

14. (1) Tertakluk kepada perenggan ini, suatu gadai janji yang dicatatkan dalam Daftar hendaklah mempunyai keutamaan dari sebarang gadai janji lain atau cagaran ke atas pesawat terbang itu, selain gadai janji lain yang dicatatkan dalam Daftar:

Dengan syarat bahawa gadai janji-gadai janji yang dibuat sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini, sama ada dicatatkan dalam Daftar atau tidak, hendaklah sehingga permulaan kuatkuasa tersebut mempunyai keutamaan yang sama sebagaimana ia mungkin mempunyainya jika Perintah ini belum dibuat.

(2) Tertakluk kepada perenggan-perenggan kecil (3) hingga (5), jika dua atau lebih gadai janji telah dicatatkan dalam Daftar, gadai janji-gadai janji tersebut hendaklah antara gadai janji-gadai janji itu mempunyai keutamaan mengikut masa bila gadai janji-gadai janji itu masing-masing dicatatkan dalam Daftar:

Dengan syarat bahawa jika suatu notis keutamaan telah dicatatkan dalam Daftar dan gadai janji yang dihajati yang disebut di dalamnya telah dibuat dan dicatatkan dalam Daftar dalam masa empat belas hari selepas itu gadai janji tersebut hendaklah dianggap mempunyai keutamaan mulai dari masa apabila notis keutamaan itu didaftarkan.

(3) Dalam mengira tempoh 14 hari di bawah perenggan kecil (2), hendaklah tidak termasuk hari Jumaat, hari Ahad dan hari kelepasan awam.

(4) Keutamaan-keutamaan yang diperuntukkan oleh perenggan ini hendaklah berkuatkuasa dengan tidak menghiraukan sebarang notis yang nyata, tersirat atau konstruktif yang menjejaskan pemegang gadai janji.

(5) Tiada sebarang apa pun dalam perenggan ini boleh ditafsirkan sebagai memberikan suatu gadai janji berdaftar sebarang keutamaan dari mana-mana lien pemilikan berkaitan dengan kerja yang dilakukan ke atas pesawat terbang itu, sama ada sebelum atau selepas gadai janji itu dibuat atau didaftarkan, atas kebenaran yang nyata atau tersirat mana-mana orang yang berhak secara sah mendapat milik pesawat terbang itu atau ke atas sebarang hak untuk menahan pesawat terbang itu di bawah sebarang undang-undang.

Pengenaaan Akta Bil Jualan dan pendaftaran peruntukan-peruntukan bayaran Akta Syarikat-Syarikat.

15. (1) Akta Bil Jualan (Penggai 70), setakat mana yang berkenaan dengan bil jualan dan dokumen lain yang diberikan dengan cara jaminan bagi pembayaran wang, hendaklah tidak dikenakan kepada sebarang gadai janji yang didaftarkan dalam daftar pesawat terbang yang dibuat selepas permulaan kuatkuasa Perintah ini.

(2) Perenggan (h) cerai (2) bab 80 dari Akta Syarikat-Syarikat (Penggai 39) hendaklah berkuatkuasa seolah-olah selepas "kapal" di mana ia mula-mula tertera dimasukkan "atau pesawat terbang":

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun dalam perenggan ini boleh menyebabkan tidak sah, terhadap penyelesaian hutang-piutang atau mana-mana pemiutang syarikat tersebut, sebarang gadai janji atau cagaran yang diwujudkan

oleh suatu syarikat sebelum permulaan kuatkuasa Perintah ini yang sah terhadap penyelesaian hutang-piutang atau pemiutang tersebut jika Perintah ini belum dibuat.

Tanggung rugi.

16. (1) Tertakluk kepada perenggan kecil (2), mana-mana orang yang mengalami kerugian kerana sebarang kesilapan atau peninggalan dalam Daftar atau sebarang ketidaktepatan dalam salinan suatu catatan dalam Daftar yang diberikan di bawah perenggan kecil (2) perenggan 11 atau dalam pemberitahuan yang dibuat di bawah perenggan kecil (3) perenggan itu hendaklah ditanggung rugi oleh Kerajaan.

(2) Tanggung rugi tidaklah kena bayar di bawah perenggan ini —

(a) jika orang yang mengalami kerugian telah menyebabkan dirinya mendapat kerugian atau sebahagian besarnya menyebabkan kerugian kerana penipuannya atau telah memperolehi hak milik daripada seseorang yang melakukan penipuan itu;

(b) kerana kos atau perbelanjaan yang dilakukan bagi mengambil atau membela sebarang prosiding undang-undang tanpa persetujuan bertulis daripada Pengarah.

Kesalahan.

17. (1) Mana-mana orang yang, dalam memberikan sebarang maklumat bagi maksud Perintah ini, membuat sebarang pernyataan yang diketahuinya sebagai palsu dalam suatu butir mustahak, atau dengan melulu membuat sebarang pernyataan yang palsu dalam suatu butir mustahak, adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh apabila sabit kesalahan dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan, suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000 atau kedua-duanya sekali.

(2) Jika suatu kesalahan di bawah Perintah ini yang dilakukan oleh suatu badan korporat dibuktikan telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan sebarang kecuai di pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa badan korporat itu, atau seseorang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan suatu kesalahan dan boleh diambil tindakan dan dihukum dengan sewajarnya.

JADUAL PERTAMA

perenggan 4(2)

PERMOHONAN UNTUK MENCATATKAN GADAI JANJI PESAWAT TERBANG

Saya dengan ini memohon gadai janji, yang butir-butirnya diberikan di bawah ini, untuk dicatatkan dalam Daftar Gadai Janji Pesawat Terbang.

1. Tarikh gadai janji.
2. Perihal pesawat terbang yang digadai janji (termasuk jenis, kerakyatan, tanda-tanda pendaftaran dan nombor bersiri pesawat terbang) dan sebarang stor alat ganti bagi pesawat terbang itu yang diliputi gadai janji itu. Sebarang perihalan stor alat ganti mestilah termasuk suatu tanda tentang ciri dan anggaran jumlahnya, dan mestilah menyatakan tempat atau tempat-tempat di mana ia disimpan. Perihalan harta yang digadai janji boleh, jika perlu, disambung pada kertas berasingan yang ditandatangani oleh pemohon.
3. Jumlah wang yang dicagarkan dengan gadai janji itu. Jika jumlah wang yang dicagarkan itu turun naik, ia hendaklah dinyatakan dan jumlah paling tinggi dan jumlah paling rendah (jika ada) hendaklah disebutkan.
4. Adakah gadai janji menghendaki pemegang gadai janji untuk membuat pendahuluan lanjut: Jika demikian, berapakah jumlahnya?
5. Nama dan alamat penggadai janji.
6. Nombor daftar notis keutamaan (jika ada).

Tandatangan

.....

(Nama dalam huruf besar)

.....

bagi pihak

(nama pemegang gadai janji) (potong jika tidak berkenaan)

beralamat

(alamat pemegang gadai janji).

JADUAL KEDUA

perenggan 5(2)

PERMOHONAN UNTUK MENCATATKAN NOTIS KEUTAMAAN

Saya dengan ini memberi notis bahawa saya bermaksud hendak membuat suatu gadai janji, yang butir-butirnya diberikan di bawah ini, dan bahawa jika saya membuatnya saya memohon supaya gadai janji itu dicatatkan dalam Daftar Gadai Janji Pesawat Terbang. Saya dengan ini memohon supaya notis ini dicatatkan dalam Daftar itu.

1. Perihal pesawat terbang yang menjadi perkara gadai janji yang dihajati (termasuk jenis, kerakyatan, tanda-tanda pendaftaran dan nombor bersiri pesawat terbang) dan sebarang stor alat ganti bagi pesawat terbang itu di mana adalah dimaksudkan bahawa gadai janji itu akan meliputinya. Perihal harta yang menjadi perkara gadai janji yang dihajati boleh, jika perlu, disambung pada kertas berasingan yang ditandatangani oleh pemohon.
2. Jumlah wang yang dicagarkan dengan gadai janji yang dihajati. Jika jumlah wang yang dicagarkan itu turun naik, ia hendaklah dinyatakan dan jumlah paling tinggi dan jumlah paling rendah (jika ada) hendaklah disebutkan.
3. Adakah gadai janji yang dihajati akan menghendaki pemegang gadai janji untuk membuat pendahuluan lanjut? Jika demikian, berapakah jumlahnya?
4. Nama dan alamat bakal penggadai janji.

Tandatangan

.....

(Nama dalam huruf besar)

.....

.....

bagi pihak

(nama pemegang gadai janji) (potong jika tidak berkenaan)

.....

beralamat

(alamat pemegang gadai janji).

JADUAL KETIGA

perenggan 8(1)

NOTIS PERUBAHAN BUTIR-BUTIR YANG DIDAFTARKAN

Saya dengan ini memberi notis bahawa butir-butir yang ditunjukkan dalam Daftar Gadai Janji Pesawat Terbang di bawah nombor Daftar hendaklah dipinda seperti berikut —

(a) Tandatangan

(Nama dalam huruf besar)

bagi pihak

(masukkan nama pemegang gadai janji) (potong jika tidak berkenaan)

(b) Tandatangan

(Nama dalam huruf besar)

bagi pihak

(masukkan nama orang yang ditunjukkan dalam Daftar sebagai pemegang gadai janji) (hanya boleh digunakan jika perubahan butir-butir adalah perubahan orang yang terdapat dalam Daftar sebagai pemegang gadai janji)

(c) Tandatangan

(Nama dalam huruf besar)

bagi pihak

(masukkan nama penggadai janji) (potong jika tidak berkenaan)

JADUAL KEEMPAT

perenggan 9

NOTIS PELEPASAN GADAI JANJI BERDAFTAR

Saya dengan ini mengesahkan bahawa gadai janji yang dicatatkan dalam Daftar Gadai Janji Pesawat Terbang di bawah nombor Daftar telah dilepaskan.

Tandatangan
(Nama dalam huruf besar)
bagi pihak
(nama pemegang gadai janji) (potong jika tidak berkenaan).

Saya bersetuju bahawa gadai janji ini telah dilepaskan.

Tandatangan
(Nama dalam huruf besar)
bagi pihak
(nama pemegang gadai janji).

Diperbuat pada hari ini 2 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1422 bersamaan dengan 23 haribulan Julai, 2001.

**PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ZAKARIA BIN DATU MAHAWANGSA HAJI SULAIMAN**
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.